

5 MAR 1996

MAJLIS TERTINGGI UMNO BINCANG PERAYAAN ULANG TAHUN PARTI

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO bermesyuarat petang ini dengan memberi tumpuan kepada persiapan menyambut perayaan 50 tahun UMNO serta perkembangan menjelang pemilihan parti Oktober ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO mempengerusikan mesyuarat bulanan itu yang bermula pukul 2.45 petang di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Semalam, Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat berkata perayaan 50 tahun UMNO merupakan antara agenda utama mesyuarat.

Selain itu, katanya, Majlis Tertinggi akan dimaklumkan mengenai kempen pemilihan bagi jawatan Majlis Tertinggi UMNO. -- BERNAMA

NJ NMO